

ANALISIS PERUNTUKAN ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (I) 2019 KELANTAN DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SIVIL (An Analysis of the Provisions of Kelantan Syariah Criminal Code (I) Enactment 2019 from the Perspective of Civil Law)

*Muhammad Rasydan Junuh*¹
rasydanjunuh.edu@gmail.com

*Mohd Norhusairi Mat Hussin*²
husairi@um.edu.my

*Siti Aisyah Samudin*³
sitiaisyah.samudin@um.edu.com

*Hanira Hanafi*⁴
hanira_hanafi@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.^{1,2,3 & 4}

Pengarang koresponden (Corresponding author):³

Rujukan makalah ini (To cite this article): Muhammad Rasydan Junuh, Mohd Norhusairi Mat Hussin, Siti Aisyah Samudin, & Hanira Hanafi. (2026). Analisis peruntukan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan dari perspektif undang-undang sivil. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 38(1), 151–172. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.38(1)no7)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: <i>Received:</i>	9/7/2025	Semakan: <i>Revised</i>	5/12/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	12/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	30/1/2026
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 (EKJSK 2019) merupakan usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk menegakkan undang-undang jenayah syariah di negeri tersebut. Penambahan dua puluh empat peruntukan baharu ialah suatu usaha ke arah

memperundangkan kesalahan yang dikategorikan sebagai maksiat, di samping untuk mencapai objektif kewujudan undang-undang Islam, iaitu untuk melindungi lima aspek maqasid syariah melalui pembahagian dalam enakmen ini walaupun kesalahan yang ada ini diperuntukkan dalam undang-undang sivil. Dalam makalah ini, pengkaji menganalisis peruntukan dalam EKJSK 2019 dari perspektif undang-undang sivil dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen yang berkaitan dan peruntukan undang-undang yang sedia ada di Malaysia. Data ini dianalisis secara perbandingan dengan melihat perbezaan antara kedua-dua undang-undang ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kesalahan dalam EKJSK 2019 yang bertindih dengan undang-undang yang sedia ada, seperti liwat, kata untuk memecahkan keamanan, persetubuhan dengan bukan manusia, memusnahkan atau mancemarkan tempat ibadat dan apa-apa yang mengkhayalkan. Walaupun hal ini dicabar dalam kes Nik Elin, kajian ini penting sebagai rujukan dalam pelaksanaan pindaan kesalahan jenayah syariah pada peringkat negeri bagi mengelakkan pertikaian, konflik bidang kuasa antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil, serta menutup ruang bagi mana-mana pihak yang mencabar kesalahan yang diperuntukkan pada masa akan datang.

Kata kunci: Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019, peruntukan, undang-undang jenayah syariah, undang-undang sivil, pertindihan undang-undang, bidang kuasa

Abstract

The enactment of the Kelantan Syariah Criminal Code Enactment (I) 2019 (SCCE 2019) represents an effort by the Kelantan State Government to enforce Syariah criminal law within the state. The introduction of 24 new provisions constitutes an initiative to codify offences categorised as immoral acts, while also fulfilling the objectives of Islamic law, namely the protection of the five dimensions of maqasid syariah, through the classification of offences under the Enactment notwithstanding the fact that such offences already exist within civil law. This paper analyses the provisions of SCCE 2019 from the perspective of civil law by adopting a qualitative approach through the analysis of relevant documents and existing statutory provisions in Malaysia. The data are analysed comparatively by examining the differences between the two legal frameworks. The findings indicate that several offences under SCCE 2019 overlap with existing laws such as sodomy, words intended to incite a breach of the peace, intercourse with non-human beings, destruction or desecration of places of worship, and acts that cause intoxication. Although these issues have been challenged in the Nik Elin case, this study

serves as an important reference in the implementation of amendments to Syariah criminal offences at the state level, with the aim of avoiding disputes and jurisdictional conflicts between the Syariah courts and civil courts, as well as precluding future challenges to the offences provided for under the enactment.

Keywords: Syariah Criminal Code Enactment (I) 2019, provisions, syariah criminal law, civil law, legal overlap, jurisdiction

PENDAHULUAN

Undang-undang kesalahan jenayah syariah yang berkuat kuasa di Malaysia pada asasnya melibatkan kesalahan terhadap perintah agama. Hal ini dirujuk berdasarkan istilah “kesalahan terhadap agama” yang termaktub dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang merujuk kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam terhadap perintah agama. Menerusi Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, terma “kesalahan” ditafsirkan sebagai “apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dijadikan boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang bertulis yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam dan yang ke atasnya mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa”. Hal ini berbeza daripada perundangan sivil yang memberikan konotasi lebih umum terhadap tafsiran ini, iaitu sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang terhadap orang lain berdasarkan kanun ini dipertanggungjawabkan untuk menerima hukuman menurut undang-undang yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan tersebut.

Penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Negeri Kelantan memperlihatkan perubahan dan anjakan dalam perkembangan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan yang terakhir dipinda pada tahun 1985 dan berkuat kuasa dalam tempoh 34 tahun. Walaupun usaha mengkanunkan kesalahan yang berkaitan dengan hudud dan kisas menerusi penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1993 gagal dilaksanakan disebabkan oleh halangan perundangan, pemansuhan enakmen ini menunjukkan usaha ganti bagi hasrat murni tersebut. Perbuatan yang bercanggah dengan Islam dikanunkan dan dikategorikan sebagai kesalahan menurut undang-undang bertulis di Malaysia.

Kesalahan ini diklasifikasikan kepada lima bahagian yang merangkumi lima aspek penjagaan maqasid syariah. Dua puluh empat kesalahan baharu dimasukkan yang merangkumi sihir, dakwaan palsu, percubaan

keluar Islam, memutarbelitkan ajaran Islam, derhaka terhadap ibu bapa, memusnahkan tempat ibadat, persetubuhan dengan bukan manusia, pembedahan kosmetik, tidak menghormati bulan Ramadan, persetubuhan dengan mayat dan mencacah tatu. Walau bagaimanapun, kesalahan ini wajar diteliti mengikut aspek perundangan semasa kerana wujud beberapa kesalahan yang lebih dahulu dikanunkan dalam undang-undang sivil dan digunakan bagi keseluruhan persekutuan. Oleh itu, pengkaji meneliti kesalahan yang diperuntukan dalam kedua-dua aspek perundangan ini, seterusnya menganalisis kesan terhadap pertindihan undang-undang.

Konsep Jenayah dalam Islam

Jenayah ialah kata terbitan daripada kata *janā* yang bermaksud berbuat dosa atau salah dan *jinayāh* yang bermaksud perbuatan dosa atau perbuatan salah (Luwīs Ma'lūf, 1954). Orang yang berbuat jahat dikenali sebagai *jānī* dan mangsa jenayah dikenali sebagai *majnī 'alayh*. Al-Mawardi mendefinisikan jenayah sebagai segala bentuk kesalahan menurut syariah yang dapat dihukum dengan hukum Allah, sama ada kisas, hudud dan takzir (Māwardī & Asadullah Yate, 1996). Menurut 'Abdul Qādir 'Audah (1988), jenayah ialah perbuatan yang dilarang oleh syarak, sama ada perbuatan itu mengenai jiwa atau harta benda.

Bagi memahami pembahagian jenayah dalam penulisan klasik hukum Islam, fuqaha, seperti Ibn Qudamah, menghuraikan bahawa penjelasan jenayah diletakkan di bawah tajuk, seperti Jirah, Diyat dan Hudud. Pendirian fuqaha apabila menghuraikan jenayah didapati cenderung terhadap huraian yang lebih khusus walaupun fuqaha bersetuju bahawa konsep, seperti kisas, diat, hudud dan takzir, berada di bawah skop yang lebih umum, iaitu jenayah (Paizah Haji Ismail, 1996). Oleh itu, perbahasan fuqaha tentang kesalahan jenayah dan hukumannya dibahas berdasarkan tiga katogeri utama, iaitu hudud, kisas dan diat, serta takzir.

Undang-undang Jenayah di Malaysia

Undang-undang jenayah di Malaysia dibahagikan kepada dua cabang perundangan, iaitu undang-undang jenayah sivil dan undang-undang jenayah syariah. Undang-undang jenayah sivil diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Kedudukan dan pembahagian bidang kuasa antara persekutuan dengan

negeri jelas dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu Senarai I (Senarai Persekutuan) dan Senarai II (Senarai Negeri).

Secara umum, kesalahan jenayah syariah yang dikuatkuasakan ialah kesalahan terhadap perintah agama. Hal ini berdasarkan istilah “kesalahan terhadap agama” dalam Senarai Negeri yang merujuk kesalahan perbuatan yang berkait rapat dengan amar makruf nahi mungkar (Siti Zubaidah, 2017). Amar ialah perbuatan baik yang selari dengan hukum syarak dan mungkar ialah perkara yang ditegah oleh syarak. Kesalahan terhadap agama pula terbahagi kepada dua, iaitu perbuatan yang berkaitan dengan ibadat dan perbuatan tercela. Contoh perbuatan yang berkaitan dengan ibadat ialah tidak berpuasa pada bulan Ramadan dan tidak membayar zakat. Perbuatan tercela pula ialah perlakuan yang bertentangan dengan moral dalam khalayak ramai, seperti tidak berpakaian sopan dan menyerupai jantina lain (Siti Zubaidah Ismail, 2017).

Maksud “kesalahan” dalam konteks jenayah syariah ialah apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang bertulis yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam dan yang terhadapnya mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa sebagaimana yang dijelaskan sebelumnya. Hal ini bermaksud bahawa kesalahan jenayah syariah merujuk kesalahan yang terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri tidak seperti kesalahan jenayah sivil yang termaktub dalam Kanun Keseksan dan digunakan oleh semua rakyat Malaysia.

Secara prinsip, kesalahan jenayah syariah tidak merangkumi kesalahan terhadap nyawa dan tubuh badan manusia, seperti kesalahan membunuh dan mencederakan seseorang. Sebaliknya, jenayah syariah hanya memperuntukkan jenis dan skop kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan terhadap agama Islam yang selari dengan bidang kuasa yang diperuntukkan terhadap pihak penguat kuasa agama. Kesalahan jenayah sivil pula lebih menyeluruh dengan merangkumi kesalahan terhadap nyawa, tubuh badan manusia dan harta seperti yang terkandung dalam Kanun Keseksan. Bagi kesalahan jenayah syariah, kesalahan tersebut dibicarakan di mahkamah syariah apabila mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan kes yang berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh orang Islam. Hal ini berbeza daripada kesalahan jenayah sivil yang dibicarakan di mahkamah sivil.

Oleh itu, jelaslah bahawa kesalahan jenayah di Malaysia dapat dirangkumkan menjadi dua. Pertama, kesalahan jenayah sivil yang

dilakukan oleh semua rakyat tanpa mengambil kira faktor agama atau bangsa yang dibicarakan di mahkamah sivil. Kedua, kesalahan jenayah syariah terhadap agama yang dilakukan oleh orang Islam sahaja yang dibicarakan di mahkamah syariah.

Perkembangan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Kelantan

Pengkanunan undang-undang terus berkembang dari dekad 80-an, 90-an hingga kini dengan pengkanunan enakmen kesalahan jenayah yang berasingan daripada Enakmen Pentadbiran Islam. Negeri yang terawal memiliki enakmen tersendiri ialah Kelantan. Pada tahun 1985, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985 digubal dan diluluskan oleh kerajaan negeri dan dipisahkan daripada Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri (Siti Zubaidah Ismail, 2017). Usaha untuk memartabatkan perundangan jenayah Islam diteruskan pada tahun berikutnya menerusi pembentangan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Usaha untuk memperkenalkan undang-undang ini bermula dengan penubuhan jawatankuasa penggubal yang terdiri daripada pakar undang-undang terkemuka, termasuklah Prof. Ahmad Ibrahim, Prof. Dr. Mahmud Saedon, Tun Salleh Abbas, Dato' Hj Daud Muhammad, Abu Bakar Abdullah Kutty dan Dato' Muhamad Shukri Mohamad (Nur al-Farahain Kamaruzaman & Nur Aina Abdullah, 2021). Sebelum undang-undang ini dibentangkan, usaha untuk meningkatkan kesedaran giat dilakukan menerusi jerayawara, ceramah dan seminar. Oleh itu, secara rasminya, pada 25 November 1993, enakmen ini dibentangkan Dewan Undangan Negeri dan dipersetujui oleh majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri pada ketika itu (Nur al-Farahain Kamaruzaman & Nur Aina Abdullah, 2022).

Secara asas, enakmen ini memperuntukkan tiga komponen utama, iaitu hudud, kisas dan takzir, dan mengandungi 72 klausa dan enam bahagian. Bahagian pertama mengandungi klausa yang berkaitan dengan hudud, iaitu kesalahan *sariqah*, kesalahan *hirabah*, kesalahan zina, kesalahan qazaf, kesalahan minum arak dan kesalahan riddah. Hukuman yang diperuntukkan bertepatan dengan ketetapan dalam kitab fekah. Antaranya termasuklah pemotongan tangan atau anggota badan bagi kesalahan mencuri dan merompak, hukuman sebatan, rejam, pemenjaraan dan hukuman mati. Seterusnya, bahagian kedua menghuraikan kesalahan di bawah kategori kisas yang merangkumi hukuman bagi kesalahan membunuh dan hal yang berkaitan dengan diat. Bahagian ketiga berkaitan dengan pembuktian dan keterangan, manakala bahagian keempat pula tentang garis panduan yang berkaitan dengan kaedah sebatan dan potong anggota badan. Bahagian kelima dan bahagian keenam memperuntukkan

peruntukan umum yang berkaitan dengan penubuhan Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas.

Walaupun enakmen ini diluluskan pada peringkat negeri, pelaksanaannya tertangguh disebabkan oleh kekangan perundangan, tekanan politik dan faktor sosial (Azhar Abdullah, 2015). Walau bagaimanapun, pelaksanaan enakmen ini dimulakan semula oleh mantan Menteri Besar Kelantan, Almarhum Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat susulan daripada lawatan Mahabbah Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Md Yassin. Seterusnya, usaha ini digerakkan sekali lagi dengan penubuhan Jawatankuasa Prateknikal dan Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Fadzli Hassan yang memberikan tumpuan terharap tiga aspek utama, iaitu mengatasi halangan perundangan, menjelaskan kekeliruan yang berlaku dan mengemas kini struktur mahkamah Negeri Kelantan yang sedia ada. Pada tahun 2014 pula, Jawatankuasa Teknikal Enakmen Jenayah Syariah dibentuk dengan fokus untuk merangka dasar dan pelan strategik pelaksanaan enakmen ini. Setelah itu, pada 19 Mac 2015, sidang Dun Kerajaan Kelantan meluluskan Kanun Jenayah Syariah (II) [1993] 2015 (Nur al-Farahain Abdullah & Nur Aina Kamaruzaman 2022).

Bermula pada tahun 2016, Jawatankuasa Pengkajian Enakmen Syariah Negeri Kelantan memulakan proses semakan bagi Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985. Kemudiannya, pada bulan Oktober 2019, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pada 31 Disember 2020, Enakmen ini menurut Fasal (3) Perkara 39 Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Pertama) diwartakan dan mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V untuk dikuatkuasakan. Enakmen ini secara rasminya dikuatkuasakan pada 1 November 2021 bersamaan dengan 25 Rabiulawal 1443H dengan diperkenankan oleh KDYMM Sultan Kelantan.

KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah berteraskan al-Quran dan sunah merupakan suatu tuntutan syarak yang wajib dilaksanakan oleh pihak berautoriti. Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan tersebut masih terhad terhadap kesalahan takzir. Menurut Zulkifli Hasan (2008), undang-undang jenayah Islam di Malaysia tidak merangkumi pelaksanaan hudud dan kisas secara menyeluruh, sebaliknya tertumpu pada bidang kuasa mahkamah syariah yang terbatas pada kesalahan takzir. Walau bagaimanapun, terdapat usaha yang signifikan untuk merealisasikan

pelaksanaan undang-undang ini menerusi penggubalan undang-undang di beberapa negeri, terutamanya Kelantan. Usaha ini dilihat sebagai langkah bagi memartabatkan syariat Islam melalui pendekatan legislatif (Fathi Yusof, 2014). Walaupun begitu, pelaksanaan undang-undang tersebut masih menghadapi kekangan dari sudut perundangan, khususnya yang berkaitan dengan kedudukan Perlembagaan Persekutuan dan isu pertindihan bidang kuasa antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil (Siti Zubaidah Ismail, 2017).

Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mengukuhkan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah, kajian terhadap tafsiran peruntukan undang-undang menjadi suatu keperluan penting. Pentafsiran yang tepat dapat memberikan kesan langsung terhadap keberkesanan pelaksanaan sesuatu peruntukan. Dalam hal ini, Zurul Iman Zakaria dan Zaini Nasohah (2019) menganalisis tafsiran kesalahan bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991. Pengkaji tersebut mendapati bahawa pentafsiran yang jelas diperlukan bagi mengelakkan kekeliruan, serta memastikan pelaksanaan yang adil dan menepati kehendak syarak. Selaras dengan itu, Azizah Mat Rashid (2020) membincangkan peranan undang-undang dalam penjagaan keturunan (nasab). Kajian ini tertumpu pada analisis perbandingan peruntukan tatasusila antara negeri, serta istilah dan hukuman yang digunakan dalam pelbagai enakmen negeri, sekali gus menyorot isu keseragaman dan kejelasan dalam penggubalan perundangan. Selain itu, aspek umur pesalah turut menjadi perhatian penting dalam konteks pelaksanaan undang-undang jenayah syariah. Mohd Abu Hassan Abdullah et al. (2021) pula membincangkan isu had umur pesalah muda dan keperluan untuk menggunakan pendekatan berbentuk pemulihan berbanding dengan hukuman semata-mata. Pendekatan ini selaras dengan prinsip maqasid syariah yang menitikberatkan perlindungan terhadap akal dan keturunan, terutamanya dalam kalangan remaja yang terlibat dengan kesalahan syariah.

Tumpuan mendalam juga diberikan terhadap Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993 dan 2015. Dalam hal ini, Suzana Hussin (2011) mengkaji keseluruhan isi kandungan enakmen tersebut dan membincangkan isu yang berkaitan dengan peruntukan yang kabur dan halangan pelaksanaan yang berlaku. Pengkaji itu turut membincangkan konflik dalam peruntukan tertentu dan punca kelewatan pelaksanaan enakmen tersebut pada peringkat negeri. Sementara itu, Nur al-Farhain Kamaruzaman (2021) menganalisis latar belakang

penggubalan, objektif, kekangan pelaksanaan dan kelemahan enakmen tersebut berdasarkan dapatan daripada ahli teknikal peringkat negeri dan kebangsaan. Kajian ini menambah dimensi penting bagi memahami proses legislatif dan cabaran ketika pelaksanaan undang-undang jenayah syariah pada peringkat negeri.

Walaupun pelbagai kajian dilakukan berhubung dengan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, kebanyakannya tertumpu pada aspek tafsiran peruntukan dalam enakmen negeri, kajian perbandingan antara negeri, isu pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, serta cabaran perlembagaan dan bidang kuasa mahkamah syariah. Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang memberikan tumpuan khusus terhadap analisis kandungan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan, terutamanya dari sudut hubungan kait dan tahap peruntukannya, sama ada selari atau bertentangan dengan kerangka undang-undang sivil di Malaysia. Kajian sedia ada tidak memberikan penekanan mendalam terhadap kesan perundangan enakmen tersebut dalam konteks sistem perundangan dualisme Malaysia yang mewujudkan ruang potensi konflik bidang kuasa antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil. Oleh itu, kajian ini penting bagi mengisi kelompondangan tersebut dengan mengemukakan analisis kritikal terhadap peruntukan Enakmen 2019 dari perspektif undang-undang sivil.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen sebagai kaedah utama. Fokus utama kajian adalah untuk menganalisis peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan dari perspektif undang-undang sivil di Malaysia secara mendalam. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan konsep jenayah, jenis kesalahan dan aspek konflik atau persamaan antara kedua-dua sistem perundangan.

Kajian ini turut menggunakan kaedah kajian kepustakaan bagi mengukuhkan kefahaman terhadap konsep jenayah dan kesalahan jenayah menurut perundangan syariah dan perundangan sivil yang melibatkan penelitian terhadap pelbagai sumber rujukan, termasuklah buku ilmiah, artikel jurnal, prosiding seminar dan kertas kerja yang berkaitan dengan perbahasan undang-undang jenayah dalam kedua-dua sistem tersebut. Sumber data primer dalam kajian ini terdiri daripada teks utama Islam,

seperti al-Quran dan hadis, serta kitab fekah muktabar yang menjadi rujukan dalam penentuan hukum jenayah Islam. Di samping itu, dokumen perundangan rasmi, seperti Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019, Kanun Keseksaan dan undang-undang lain yang berkaitan dijadikan sumber utama bagi menganalisis kandungan peruntukan secara langsung tanpa dipengaruhi oleh tafsiran individu.

Akhir sekali, data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan perbandingan. Kaedah ini digunakan untuk meneliti persamaan dan perbezaan antara sistem perundangan jenayah syariah dengan sistem perundangan jenayah sivil, khususnya dalam konteks kesalahan yang diperuntukan dalam EKJSK 2019. Menerusi pendekatan ini, pengkaji dapat mengenal pasti titik temu, pertindihan dan potensi integrasi antara kedua-dua sistem dalam kerangka perundangan Malaysia.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini dimulakan dengan analisis perbandingan dengan mengemukakan peruntukan EKJSK 2019 yang turut terkandung dalam undang-undang sivil. Peruntukan daripada undang-undang sivil juga dikemukakan dan diuraikan dengan lebih lanjut dari aspek perbezaan, seperti matan perundangan, hukuman dan skop kesalahan. Bahagian ini disimpulkan dengan perbincangan asas yang berkaitan dengan perbezaan yang terkandung dalam kedua-dua undang-undang ini pada akhir bahagian.

Analisis Peruntukan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 dan Undang-undang Sivil

Secara asasnya, setiap kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah syariah di Malaysia hendaklah selaras dengan bidang kuasa mahkamah syariah. Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) memperuntukkan bahawa ruang lingkup kesalahan jenayah syariah merujuk perbuatan penganut agama Islam yang melanggar rukun agama Islam. Oleh itu, penelitian terhadap kesalahan yang turut diperuntukkan dalam undang-undang sivil dianalisis dengan membincangkan beberapa aspek, seperti had hukuman, matan perundangan dan skop kesalahan. Kesalahan tersebut diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Kesalahan di bawah peruntukan EKJSK 2019 dan undang-undang sivil yang berkaitan.

Bil.	Peruntukan EKJSK 2019	Undang-undang Sivil
1.	Seksyen 11 Memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat	Seksyen 295 Kanun Keseksaan Membencanakan atau mencemarkan mana-mana tempat sembahyang dengan niat untuk mengaibkan mana-mana golongan
2.	Seksyen 14 Liwat	Seksyen 377A Kanun Keseksaan Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii
3.	Seksyen 17 Persetubuhan dengan bukan manusia	Seksyen 377 Kanun Keseksaan Persetubuhan luar tabii dengan haiwan; Seksyen 377CA Perhubungan seks dengan objek dan sebagainya
4.	Seksyen 30 Kata yang boleh mengganggu keamanan	Seksyen 298A dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan
5.	Seksyen 31 Gangguan seksual	Bahagian XVA Akta Kerja 1955
6.	Seksyen 36 Apa-apa yang mengkhayalkan	Akta Dadah Berbahaya 1952
7.	Seksyen 42 Penyalahgunaan penandaan dan perbahasan halal	Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Memusnahkan atau Mencemarkan Tempat Beribadat

Kesalahan pertama ialah perbuatan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat. Kesalahan ini diperuntukkan dalam Seksyen 11 EKJSK 2019 menyatakan bahawa mana-mana individu yang dengan sengaja memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan tempat ibadat, sama ada milik orang Islam atau orang bukan Islam yang diiktiraf oleh undang-undang, termasuk kelengkapannya, dengan tujuan menghina atau mempersendakan agama berkenaan, maka dirinya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda sehingga tiga ribu ringgit, pemenjaraan dalam tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan yang sama dengan matan yang berbeza turut diperuntukkan dalam Seksyen 295 Kanun Keseksaan, iaitu dalam Bab XV Kesalahan Berkenaan dengan Agama. Seksyen tersebut yang berkaitan dengan membencanakan atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan. Dalam seksyen ini menjelaskan bahawa seseorang yang dengan sengaja memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan tempat ibadat atau objek suci sesuatu agama, sama ada dengan niat menghina atau dengan pengetahuan bahawa perbuatannya itu dianggap sebagai penghinaan, maka dirinya telah melakukan kesalahan.

Kedua-dua seksyen ini dikenal pasti serupa dalam penjagaan hak dan kehormatan bagi setiap agama. Namun begitu, perbezaan bagi kedua-dua seksyen ini ialah Seksyen 11 EKJSK 2019 digunakan oleh orang Islam sahaja, manakala Seksyen 295 Kanun Keseksaan digunakan oleh semua warganegara Malaysia tanpa mengambil kira faktor agama atau bangsa. Selain itu, perbezaan ini menunjukkan pendekatan syariah yang lebih spesifik terhadap perlindungan kesucian Islam berbanding dengan pendekatan sivil yang lebih umum dan pluralistik. Namun begitu, persamaan struktur hukuman memperlihatkan pertindihan bidang kuasa. Dalam konteks federalisme, peruntukan EKJSK 2019 dapat dianggap *ultra vires* kerana menyentuh kesalahan umum di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.

Liwat

Kesalahan seterusnya ialah kesalahan liwat. Dalam EKJSK 2019, Seksyen 14 memperuntukkan kesalahan ini, manakala Kanun Keseksaan memperuntukannya dalam Seksyen 377A dengan menggunakan istilah seks luar tabii. Daripada kedua-dua peruntukan undang-undang ini, EKJSK 2019 memfokuskan konteks agama dan kesalahan terhadap “perintah Allah”, namun tidak sampai kepada hukuman hudud, manakala Kanun Keseksaan memberikan penekanan terhadap moral dan kesusilaan. Perbezaan falsafah ini memfokuskan moral Islam dengan pendekatan sekular dalam undang-undang sivil. Dari segi hukuman pula, EKJSK menganggap liwat sebagai kesalahan takzir yang tidak sampai kepada tahap hudud, dengan dikenakan hukuman ringan, iaitu tiga tahun penjara, hukuman denda RM5,000 dan enam sebatan. Kanun Keseksaan pula mengkategorikan liwat sebagai kesalahan jenayah berat terhadap moral dengan hukuman penjara dalam tempoh hingga 20 tahun dan sebatan.

Gangguan Seksual

Kesalahan gangguan seksual diperuntukkan dalam Seksyen 31 EKJSK 2019, manakala Bahagian XVA Akta Kerja 1955 (Seksyen 81A hingga Seksyen 81G) memperuntukkan undang-undang khusus yang berkaitan dengan gangguan seksual dalam undang-undang sivil. Seksyen 2 Akta Kerja 1955 mendefinisikan gangguan seksual sebagai sebarang perlakuan yang tidak diinginkan yang bersifat seksual, sama ada lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang untuk menyinggung perasaan, memalukan atau mengancam kesejahteraannya, serta yang berlaku ketika bekerja. Hal ini terhad pada gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja. Dalam Seksyen 81A hingga Seksyen 81G, cara pengaduan gangguan seksual di tempat kerja dan kewajipan majikan untuk menyiasat aduan gangguan seksual yang berlaku dinyatakan secara terperinci. Seksyen ini juga menyenaraikan tindakan yang boleh diambil oleh majikan sekiranya gangguan seksual itu terbukti berlaku. Peruntukan EKJSK ini sebenarnya adalah untuk mengisi kelompongan undang-undang sivil dengan memperluas definisi gangguan seksual pada ruang sosial umum. Namun begitu, dari sudut teknikal, penguatkuasaan dan standard pembuktian masih kabur dan menjadikannya sukar untuk dilaksanakan tanpa pertindihan antara undang-undang buruh dengan undang-undang sivil.

Kata yang Mengganggu Keamanan

Dalam EKJSK 2019, Seksyen 30 memperuntukkan kesalahan ini, manakala dalam Kanun Keseksaan terdapat dua seksyen yang dilihat sama dalam konteks kesalahan mengganggu keamanan, iaitu Seksyen 298A(1) dan Seksyen 504.

Walaupun kesalahan ini dikategorikan sebagai kesalahan menakutkan secara jenayah, aib dan kegusaran dalam Kanun Keseksaan, serta mungkin tidak berkaitan dengan agama, perbuatan ini juga dapat mengganggu keamanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 30 EKJSK 2019 dan Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan. Dalam hal ini EKJSK menekankan kesalahan yang mengancam kehormatan Islam, manakala Kanun Keseksaan menekankan keharmonian antara agama. Walaupun matlamatnya serupa, iaitu menjaga ketenteraman awam, perbezaan asas terletak pada justifikasi moral dan agama. Pertindihan ini dapat menyebabkan konflik bidang kuasa pendakwaan, sama ada kes ini perlu dibicarakan di mahkamah syariah atau mahkamah sivil.

Apa-Apa yang Mengkhayalkan

Kesalahan seterusnya ialah kesalahan apa-apa yang mengkhayalkan. Seksyen 36 EKJSK 2019 memperuntukkan kesalahan ini. Bagi kesalahan ini, istilah “apa-apa yang mengkhayalkan” tidak memiliki tafsiran yang jelas. Namun begitu, sekiranya pihak penguasa agama berhasrat untuk merujuk kesalahan ini bagi kesalahan yang melibatkan dadah, berlaku pertindihan dengan kesalahan yang terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 yang secara terperinci memperuntukannya bermula daripada tafsiran setiap dadah, hukuman dan sebagainya. Hal yang sama berlaku dalam perihal yang melibatkan tatacara, pegawai yang bertanggungjawab dalam penyiasatan dan pelaksanaan tanggungjawab pengeledahan, rampasan dan tangkapan yang tidak lagi berada dalam kuasa pegawai penguat kuasa agama. Sebaliknya, kuasa lebih besar diberikan kepada pegawai polis dan pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (Seksyen 31 Akta Dadah Berbahaya 1952). Kekaburan istilah dalam EKJSK menyebabkan konflik pelaksanaan dan ketidakpastian undang-undang. Hal ini menunjukkan keperluan mendesak untuk penyelarasan definisi dan standard bukti antara undang-undang syariah dengan undang-undang sivil bagi menjamin keadilan dalam proses pengadilannya.

Penyalahgunaan Penandaan dan Perbahasan Halal

Dalam kesalahan ini, penyalahgunaan penandaan dan perbahasan halal diperuntukkan dalam Seksyen 42 EKSJK 2019. Bagi undang-undang sivil pula, kesalahan ini diperuntukkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang memperuntukkan bahawa penggunaan dan pempameran sijil halal syarikat pembekal di premis perniagaan tanpa kebenaran ialah suatu kesalahan dan pesalah boleh didenda hingga RM100,000 atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi individu, manakala hukuman yang dikenakan bagi suatu pertubuhan perbadanan ialah denda hingga RM250,000 jika disabitkan bersalah.

Dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 pula, dinyatakan bahawa penggunaan apa-apa petunjuk yang menunjukkan makanan tersebut boleh dimakan oleh orang Islam merupakan suatu kesalahan. Jika disabitkan, pesalah boleh didenda hingga RM1 juta atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi individu, manakala didenda hingga RM5 juta bagi syarikat atau pertubuhan perbadanan.

Walaupun kedua-dua undang-undang ini mempunyai objektif yang sama, iaitu memastikan integriti halal, pendekatan EKJSK lebih memfokuskan etika agama dan Perintah Dagangan pula bersifat ekonomi dan pentadbiran. Kedua-duanya wajar diharmonikan melalui mekanisme kawal selia bersama antara agensi agama negeri dengan kementerian persekutuan.

Persetubuhan dengan Bukan Manusia

Kesalahan persetubuhan dengan bukan manusia diperuntukkan dalam Seksyen 17 EKJSK 2019, manakala dalam Kanun Keseksaan, kesalahan ini boleh merujuk persetubuhan dengan haiwan dan perhubungan dengan objek, iaitu dalam Seksyen 377 dan Seksyen 377CA. Bagi hukuman kesalahan ini, EKJSK menetapkan hukuman yang ringan, iaitu dipenjarakan dalam tempoh dua tahun atau denda RM3,000. Kanun Keseksaan pula mengenakan hukuman berat, iaitu hingga 20 tahun penjara dan sebatan. Hukuman yang dikenakan dalam EKJSK ialah hukuman yang lebih bersifat mendidik dan keagamaan, manakala dalam Kanun Keseksaan, kesalahan tersebut dikategorikan sebagai “persetubuhan luar tabii dengan haiwan” yang berada di bawah jenayah seksual berat. Dari sudut pembuktiannya, EKJSK tidak memperincikan unsur perbuatan, tetapi Kanun Keseksaan menjelaskan elemen “kemasukan” sebagai bukti mencukupi bagi sabitan. Oleh itu, perbezaan hukuman yang ada ini menyebabkan isu keadilan substantif bagi dua sistem undang-undang, iaitu menghukum perbuatan yang sama dengan kadar hukuman yang berbeza.

PERBINCANGAN

Dengan berdasarkan analisis peruntukan yang dibincangkan, jelaslah bahawa peruntukan yang dikanunkan dalam EKJSK 2019 bertindih dengan undang-undang sivil yang sedia ada dan selaras dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, negeri hanya berkuasa dalam hal ehwal Islam yang terkandung dalam Senarai II (Senarai Negeri), manakala semua kesalahan jenayah umum terletak di bawah bidang kuasa eksklusif persekutuan melalui Senarai I (Senarai Persekutuan). Sekiranya digubal melebihi bidang kuasanya, sesuatu undang-undang boleh dianggap *ultra vires* dan terbatal setakat yang bertentangan, selaras dengan Perkara 74(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, peruntukan baharu dalam EKJSK 2019 yang merangkumi kesalahan,

seperti liwat, persetubuhan dengan bukan manusia, gangguan seksual dan perbuatan mengkhayalkan, boleh dianggap melangkaui bidang kuasa yang dibenarkan kerana kesalahan tersebut termaktub dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) dan beberapa undang-undang persekutuan yang lain.

Dalam kes *Nik Elin Zurina & Tengku Yasmin Natasha lwn. Kerajaan Negeri Kelantan* [2024] 3 MLRA 1, mahkamah persekutuan menegaskan bahawa walaupun Islam berada di bawah Senarai Negeri, negeri tidak boleh mencipta kesalahan jenayah baharu yang termasuk dalam Senarai Persekutuan. Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat menyatakan bahawa walaupun niat negeri adalah untuk menegakkan hukum Islam, pelaksanaannya tetap tertakluk pada kerangka kuasa legislatif yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Hal ini juga disokong oleh Tun Abdul Hamid (2024) yang menyatakan bahawa Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang itu selagi belum mendapat kebenaran Parlimen sebagaimana dalam Perkara 76A(1).

Hal ini juga bertitik tolak daripada kes *Iki Putra bin Mubarrak lwn. Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 2 MLJ 323 apabila mahkamah persekutuan mengisytiharkan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan kesalahan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii sebagai tidak sah kerana bertindih dengan Seksyen 377A Kanun Keseksaan. Hal ini memberikan isyarat bahawa sebarang pertindihan akan memihak kepada persekutuan, seterusnya mengehadkan ruang negeri dalam pelaksanaan undang-undang syariah. Dalam kes ini, mahkamah persekutuan mentafsirkan frasa “*except in regard to matters included in the Federal List*” sebagai suatu *preclusion clause*, iaitu peruntukan yang mengehadkan kuasa Dewan Undangan Negeri daripada menggubal undang-undang yang berada dalam bidang kuasa Parlimen. Secara jelas, penggubalan undang-undang oleh DUN tertakluk pada tiga elemen utama, iaitu (i) kesalahan dilakukan oleh individu yang menganut agama Islam, (ii) kesalahan tersebut bertentangan dengan perintah agama Islam, dan (iii) kesalahan itu tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan.

Pertindihan undang-undang sehingga berlakunya pembatalan peruntukan yang digubal oleh Badan Perundangan Negeri ini pada dasarnya berpunca daripada kekaburan frasa yang terkandung dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri dan Persekutuan itu sendiri. Butiran 4(h) Senarai Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada persekutuan untuk menggubal undang-undang jenayah, manakala Butiran 1 Senarai Negeri memperuntukkan bahawa Badan Perundangan Negeri berkuasa menggubal

undang-undang jenayah yang terhad bagi kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak termasuk dalam bidang kuasa persekutuan. Frasa “undang-undang jenayah” dan “bertentangan dengan ajaran agama Islam” dalam kedua-dua senarai tersebut memberikan implikasi terhadap penggubalan undang-undang pada peringkat negeri dan persekutuan (Nur Ain Mohd Sabirin, et.al, 2024).

Semua perkembangan ini menunjukkan bahawa konflik bidang kuasa bukan bersifat mutlak, tetapi bergantung pada tafsiran kehakiman terhadap maksud “kesalahan terhadap perintah agama Islam”. Ketegangan ini mencerminkan cabaran besar dalam sistem federal Malaysia untuk menyeimbangkan prinsip keseragaman perundangan dengan pengiktirafan terhadap autonomi negeri dalam hal ehwal Islam.

Selain itu, perbandingan antara EKJSK 2019 dengan undang-undang sivil mendedahkan perbezaan falsafah yang ketara dalam tujuan penggubalan dan bentuk hukuman. Dalam undang-undang syariah, kesalahan tersebut dikategorikan sebagai takzir, iaitu hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah untuk mencegah kemungkaran dan mendidik pelaku (islah), bukan semata-mata untuk menghukum. Sebaliknya, dalam undang-undang sivil, falsafah hukuman berasaskan teori pencegahan, pembalasan setimpal dan penyekatan keupayaan yang menekankan pencegahan dan perlindungan masyarakat yang berasaskan nilai sekular.

Sebagai contoh, Seksyen 14 EKJSK 2019 memperuntukkan bahawa hukuman bagi liwat tidak melebihi tiga tahun penjara, denda RM5,000 atau enam sebatan. Namun begitu, Seksyen 377B Kanun Keseksaan mengenakan hukuman hingga 20 tahun penjara dan sebatan. Perbezaan ini bukan kerana hukum Islam bersifat lebih ringan, tetapi kerana kuasa hukuman mahkamah syariah dihadkan oleh Akta 355. Hal ini menjelaskan bahawa kelemahan struktur, bukan kelemahan prinsip menjadi punca utama jurang pelaksanaan undang-undang syariah. Perbezaan falsafah ini mengukuhkan pandangan bahawa pertindihan antara EKJSK dengan undang-undang sivil tidak semata-mata persoalan teknikal, tetapi refleksi dua epistemologi hukum yang berpaksikan ketuhanan sekular dan sosial.

Dari aspek prosedur, undang-undang syariah memerlukan standard pembuktian yang ketat, seperti empat orang saksi lelaki yang adil bagi kes zina atau liwat, manakala sistem sivil menerima bukti saintifik, seperti asid deoksiribonukleik (DNA) dan forensik. Hal ini menyebabkan dilema pelaksanaan, iaitu undang-undang syariah menekankan keadilan moral dan ketelitian bukti, manakala undang-undang sivil menekankan keberkesanan

dan objektiviti teknikal. Perbezaan ini menunjukkan bahawa kedua-dua sistem sebenarnya tidak bertentangan, tetapi saling melengkapi. Dalam hal ini undang-undang syariah mengawal aspek moral umat Islam, sementara undang-undang sivil menjaga ketenteraman awam secara umum. Namun begitu, apabila perbuatan yang sama berada di bawah dua undang-undang yang berlainan, berlaku isu dan konflik pendakwaan, sama ada individu Muslim patut dihadapkan ke mahkamah syariah atau mahkamah sivil bagi kesalahan yang sama.

Pertindihan ini memberikan kesan langsung terhadap struktur sistem kehakiman Malaysia. Jika tafsiran kehakiman, seperti dalam kes Nik Elin Zurina dan Iki Putra dikekalkan, mahkamah syariah akan kekal sebagai mahkamah berbidang kuasa terhadap kesalahan moral ringan. Hal ini berpotensi untuk melemahkan fungsi sosial mahkamah syariah sebagai instrumen pembinaan akhlak masyarakat Islam. Sebaliknya, jika negeri bebas memperluas bidang kuasa tanpa penyelarasan persekutuan, negara pula berisiko untuk menghadapi fragmentasi undang-undang apabila tafsiran terhadap kesalahan moral berbeza-beza antara negeri. Hal ini dapat menggugat prinsip keseragaman jenayah dan keutuhan sistem perundangan. Oleh itu, keseimbangan antara prinsip federalisme dengan identiti hukum Islam perlu ditentukan secara bersama melalui reformasi dasar dan kehakiman.

KESIMPULAN

Penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan untuk mendidik, mematuhi perintah agama dan menjadikan syariat Islam sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Undang-undang utama dan undang-undang tertinggi menurut kaca mata Islam ialah undang-undang syariah yang bersumberkan al-Quran, hadis dan sumber perundangan lain yang diiktiraf oleh syarak. Sesuatu undang-undang yang digubal haruslah tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia. Jika mana-mana undang-undang yang digubal itu bercanggah, undang-undang tersebut terbatal sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan walaupun Penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan untuk mendidik, mematuhi perintah agama dan menjadikan syariat Islam sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, kesalahan yang telah diperundangkan dalam undang-undang syariah perlu dinilai semula agar tidak bertentangan dengan perundangan sedia ada. Walaupun hal ini telah dicabar dalam kes Nik Elin, pindaan kesalahan jenayah syariah pada peringkat negeri haruslah mengambil kira perihal pertindihan peruntukan dengan kesalahan yang terkandung dalam undang-undang sivil. Cabaran terhadap keabsahan peruntukan undang-undang syariah pada masa ini memberikan implikasi besar terhadap keputusan mahkamah, khususnya dalam penentuan kesalahan, sama ada tergolong sebagai kesalahan yang berkaitan dengan agama atau tidak. Tafsiran sedemikian memberikan kesan terhadap kedudukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri sehingga menimbulkan anggapan bahawa peruntutannya tidak berperlembagaan. Akibatnya, enakmen tersebut seakan-akan kehilangan peranan dan fungsinya bagi menangani dan mencegah kesalahan yang berkaitan dengan agama dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, bagi menuju pelaksanaan hukum Islam yang menyeluruh di Malaysia, usaha untuk memperundangkan larangan syariat ialah pendekatan yang baik, namun memerlukan keabsahan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara supaya ketepatan dalam pentafsiran dan penggunaan termnya tepat dan jelas, serta berdasarkan perundangan semasa.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Malaya kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Muhammad Rasydan Junuh: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, penginterpretasian hasil penulisan makalah; Mohd Norhusairi Mat Hussin: Penginterpretasian hasil, penulisan makalah, semakan dan penghantaran manuskrip akhir; Siti Aisyah Samudi: Konsep dan reka bentuk kajian, penginterpretasian hasil, penulisan makalah dan semakan; Hanira Hanafi: Penginterpretasian hasil, penulisan makalah, semakan dan penghantaran manuskrip akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Qādir ‘Audah. (1998). *Al-jinā’i al-islāmi muqāraran bil qānun al-wadh’ie* (Jld. 2). Al-Resalah.
- Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234). (1952). <https://www.pharmacy.gov.my/v2/sites/default/files/document-upload/dangerous-drugs-act-1952.pdf>
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355). (1965). <https://www.rwi.uzh.ch/dam/jcr%3A000000000-573e-dcae-0000-0000567519e5/Act355.pdf>
- Al-Māwardī, & Asadullah Yate. (1996). *Al-ahkam as-sultaniyyah: The laws of Islamic governance*. Ta-Ha Publ.
- Azhar Abdullah. (2015). *Kanun jenayah syariah (II) (1993) 2015: Pengenalan dan hala tuju* (ed. 1). Pondok al-Ulum al-Qamariyyah.
- Azizah Mat Rashid, Mohamad Hafifi, Nor’adha Abdul Hamid, Maffuza Salleh’ & Mohd Farok Mat Nor. (2017). Hifz al-nasb: Analisis terhadap peruntukan kesalahan tatasusila dalam Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 1(1), 1–11. https://www.researchgate.net/publication/343570399_hifz_alNasb_analisis_terhadap_peruntukan_kesalahan_tatasusila_dalam_enakmen_jenayah_syariah_di_malaysia
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. (1995). <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/Enakmen-Jenayah-Syariah-Negeri-Selangor-1995.pdf>
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan. (1993). <https://jkr.kelantan.gov.my/images/PDF/EnakmenUndangUndangKanunJenayahSyariahII1993HukumHududNegeriKelantan.pdf>
- Kanun Keseksaan (Akta 574). (2006).
- Luwīs Ma’lūf. (1954). *Al-munjid: Mu’jam lil-lughah al-‘arabīyah*. Catholic Press.

- Mohd Abu Hassan Abdullah, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, & Mohamad Azhan Yahya. (2017). Pesalah muda dalam kes jenayah syariah di Malaysia: Kajian ke atas had umur pesalah serta hukuman bersifat pemulihan dari perspektif prinsip syariah. <http://journalarticle.ukm.my/13354/1/UMUR%20DAN%20HUKUMAN%20PESALAH%20MUDA%20%283%29.pdf>
- Muhammad Fathi Yusof. (2014). Perlaksanaan undang-undang jenayah Islam. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/266912399_perlaksanaan_undangundang_jenayah_islam
- Nur Ain Mohd Sabirin, Ahmad Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya. (2024). Penggubalan undang-undang jenayah syariah di Malaysia: Analisis ke atas kekaburan bidang kuasa parlimen dan dewan undangan negeri, *Akademika*, 94(2), 346–360. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9402-20>
- Nur al-Farhain Kamaruzaman, & Nur Aina Abdullah. (2022). Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dan 2015 Negeri Kelantan: Analisis pelaksanaan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 195. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.471>
- Nur al-Farhain Kamaruzaman, (2021). Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dan 2015 Negeri Kelantan: Analisis perspektif ahli jawatankuasa teknikal negeri dan nasional. Dlm. *E-Proceedings International Convention on the Basic Structure of Constitution 2021 (ICOBAC 2021)* (hlm. 268–280). Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/16089>.
- Paizah Haji Ismail. (1996). *Undang-undang jenayah Islam*. Dewan Pustaka Islam.
- Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. (2011). Perlembagaan Persekutuan. (1957).
- Siti Zubaidah Ismail. (2014). Hudud dan undang-undang jenayah syariah dalam kerangka Perlembagaan dan sistem perundangan ‘dualisme’: Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 22(2), 208–228. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/8103>
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Suzana Hussin. (2011). *Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan: Satu analisa* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tun Abdul Hamid Mohamad. (2024). *Kes Nik Elin: Saya sudah kata sepuluh tahun dahulu*. <https://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/1096-kes-nik-elin-saya-sudah-kata-sepuluh-tahun-dahulu>.
- Zulkifli Hasan. (2008). Isu undang-undang jenayah Islam di Malaysia dan sejauh manakah perlaksanaannya. *StuDocu*. <https://www.studocu.com/my/document/kolej-universitiislam-antarabangsa-selangor/shariah-law/>

isu-undang-undang-jenayah-islam-di-malaysia-dan-sejauhmanakah-perlaksanaannya/10307145

Zurul Iman Zakaria, & Zaini Nasohah (2020). Tafsiran peruntukan kesalahan bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 42(1), 23–30. <http://journalarticle.ukm.my/15853/>